

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 17 JUN 2014

SOALAN :

YB. Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah mekanisma untuk memastikan kerjasama efektif pembangunan pelancongan dan kebudayaan antara pihak kementerian dan kerajaan negeri.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan telah diwujudkan untuk memastikan kerjasama efektif pembangunan pelancongan dan kebudayaan antara pihak kementerian dan kerajaan negeri. Ia merupakan satu mekanisma untuk menyelaraskan usaha memastikan fokus dan hala tuju pembangunan industri pelancongan dan kebudayaan di peringkat negeri adalah selaras dengan hala tuju yang ditetapkan di peringkat kebangsaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan dianggotai oleh, Exco Pelancongan dan Kebudayaan Negeri dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Selain itu, Kementerian turut merangka strategi-strategi pembangunan pelancongan yang turut melibatkan kerjasama Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya. Contoh pelan strategi yang telah dan akan dibangunkan oleh Kementerian adalah *Strategic Review Of Malaysia's Tourism Policy And Implementation* dan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan. Semua pelan-pelan pembangunan seperti ini telah mendapat pandangan dan ulasan daripada Kerajaan Negeri supaya pelaksanaannya adalah bersepadu di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Kementerian ini turut memastikan kelangsungan hubungan kerjasama di antara pihak Kementerian dan Kerajaan Negeri berterusan melalui pembinaan 11 Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di negeri-negeri iaitu di Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan Sabah. Kompleks ini merupakan infrastruktur atau prasarana fizikal yang diwujudkan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian. Ia menyediakan ruang khas bagi penggiat seni dan budaya serta orang ramai berkecimpung dan melibatkan diri di dalam aktiviti seni dan budaya seperti pementasan teater, muzik dan tari serta pelaksanaan majlis-majlis rasmi kerajaan di peringkat negeri. Pembinaan Kompleks ini bukan sahaja penting kepada sektor sosial tetapi juga menyumbang kepada sektor ekonomi memandangkan produk seni budaya merupakan aset kepada pelancongan negara dan merupakan *'One Stop Centre'* bagi pelancong mendapatkan maklumat.

Bagi memantapkan mekanisma pelaksanaan program pembangunan di peringkat negeri, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Pejabat Kementerian dan Pelancongan Malaysia Negeri serta agensi-agensi di bawah Kementerian telah menjalinkan hubungan kerjasama yang erat serta telah turut terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat dan program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kemajuan sektor pelancongan di negeri dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pihak Kementerian juga mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pelancongan Kementerian (JTPK) yang bersidang sekurang-kurangnya sebulan sekali bertujuan memastikan keputusan Majlis Tindakan Negara (MTN) dan Jawatankuasa Tindakan Negara (JKTN)

dilaksanakan. JTPK juga perlu menangani isu/masalah dasar dan strategi pelaksanaan program atau projek pembangunan di bawah Wawasan 2020 bagi setiap Kementerian.

Mesyuarat ini diurusetikan oleh Bahagian Pembangunan Prasarana, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian ini dianggotai oleh :

- i) Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian;
- ii) Ketua Jabatan (termasuk Badan Berkanun di bawah Kementerian);
- iii) Ketua Bahagian/Unit Teknikal;
- iv) Wakil Jabatan Kerja Raya;
- v) Wakil Kementerian Kewangan;
- vi) Wakil ICU, JPM;
- vii) Wakil UPE, JPM; dan
- viii) Wakil Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

Mesyuarat ini juga turut menjemput :

- i) Individu atau agensi yang dijemput berasaskan isu semasa yang di bincangkan; dan
- ii) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sekian, terima kasih.